



14 APR, 2026

MCMC buka 45 kertas siasatan berkait berita palsu



Berita Harian, Malaysia

MCMC buka 45 kertas siasatan berkait berita palsu

Kuala Nerus: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) membuka 45 kertas siasatan berhubung penyebaran pelbagai berita palsu di media sosial setakat ini.

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil, berkata semua kertas siasatan akan diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara bagi tindakan lanjut sama ada dikenakan kompaun atau pendakwaan di mahkamah.

"Bagi kesalahan itu (menyebarkan berita palsu), kompaun boleh dikenakan hingga RM250,000, manakala jika disabitkan di mahkamah, pesalah boleh didenda hingga RM500,000 atau dipenjara hingga dua tahun atau kedua-duanya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi Panel Penasihat Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di sini, semalam.

Sehubungan itu, beliau menasihati orang ramai supaya tidak berkongsi maklumat tidak pasti dan sentiasa menyemak kesahihan berita sebelum disebarkan.

Fahmi turut menggesa masyarakat mendapatkan maklumat daripada sumber sahih seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) serta merujuk kepada pengurus NADI atau komuniti MADANI bagi penjelasan lanjut.

Fahmi berkata, pelbagai tindakan diambil MCMC bagi membendung penyebaran berita palsu di media sosial termasuk mengarahkan penurunan kandungan serta mengenal pasti pemilik akaun dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk dirakam percakapan.

Sementara itu, Fahmi ketika berucap pada majlis berkenaan berkata, sebanyak 386 kandungan palsu membabitkan pelba-



Fahmi bersama tetamu selepas Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi Panel Penasihat NADI di Kuala Nerus, semalam. (Foto BERNAMA)

gai isu semasa dikenal pasti setakat ini.

"Daripada jumlah itu, 118 kandungan isu bahan api, 45 berkaitan tarif elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB), manakala

147 lagi mengenai dakwaan bayaran tol kepada Iran.

"Selain itu, 15 kandungan fitnah yang mendakwa Malaysia menjual minyak kepada Filipina dan semuanya diarah untuk di-

turunkan," katanya.

Justeru, beliau mengingatkan orang ramai agar tidak sewenang-wenangnya menyebarkan maklumat yang belum pasti kesahihannya. BERNAMA